

22/10/2003

Saya tidak dicela: Dr M (HL)

Hishamuddin Aun; Khaidir Abdul Majid; Zainab Mohd Yatim

BANGKOK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan laporan kononnya beliau dicela Presiden George W Bush ketika pemimpin Amerika Syarikat (AS) itu berbual dengannya pada sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini, kelmarin.

Malah, Perdana Menteri berkata, beliau dan Bush berjalan seperti berpegangan tangan selepas perbualan mereka yang didakwa kononnya mengandungi kecaman berkenaan.

Katanya, beliau tidak tahu bagaimana sesetengah pihak membuat kesimpulan berkenaan kerana yang jelas tiada siapa mendengar apa yang Bush perkatakan kepadanya ketika itu.

"Saya ingin menjelaskan bahawa memang Bush ada memanggil saya ke tepi untuk menjelaskan kenapa beliau membuat kenyataan keras terhadap diri saya.

"Dan saya beritahu beliau bahawa saya memahaminya. Itu saja dan tiada lebih daripada itu," kata Dr Mahathir ketika sidang akhbar pada akhir mesyuarat pemimpin forum Apec di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam yang memetik jurucakap AS, Scott McClellan menyatakan Bush menarik Dr Mahathir ke tepi dan memberitahunya bahawa apa yang dikatakan Perdana Menteri mengenai Yahudi pada Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya minggu lalu adalah salah.

Ditanya adakah penafian beliau itu bermakna AS bercakap sesuatu perkara dalam pertemuan peribadi dan selepasnya memberitahu perkara lain kepada media, Dr Mahathir berkata beliau tidak boleh mengulas perkara itu.

"Yang nyata Bush tidak mencela saya. Apa yang beliau cakap ialah beliau kesal menggunakan perkataan keras terhadap saya. Itulah yang beliau beritahu saya. Saya tidak tahu sama ada pembantu Bush mendengar perbualan itu atau tidak tetapi saya mahu pembantu itu bertanyakan kepada Presiden Bush sekali lagi apa sebenarnya yang beliau memberitahu saya.

"Melainkan pendengaran saya tidak elok lagi dan saya memberi jaminan kepada anda bahawa ia masih baik kerana saya dapat mendengar anda, saya berpendapat beliau tidak mencela saya langsung.

"Selepas perbualan itu, kami berjalan seperti berpegangan tangan. Bagaimana anda boleh berkata Presiden Bush mencela saya, jika perhubungan kami selepas itu adalah baik," katanya.

Dr Mahathir berkata, Bush turut pergi kepada Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali untuk bertanya khabar.

"Bush juga bertanya khabar kepada saya. Saya bercakap dengannya, beliau bercakap dengan saya, seperti peserta mesyuarat yang lain," katanya.

Mengenai pandangan peribadinya terhadap Bush, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak suka untuk berkata sesuatu mengenai orang lain kerana mungkin saya akan dilihat menyerang seseorang, jadi saya tidak mahu menjawab soalan itu," katanya.

Dr Mahathir adalah satu-satunya pemimpin Apec yang mengadakan sidang akhbar selepas berakhir sidang kemuncak dua hari itu semalam.

Bush, mengikut jadual yang disediakan, meninggalkan Bangkok sejurus selepas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra membaca pengisytiharan mesyuarat tahunan yang mengumpulkan 21 pemimpin ekonomi Asia Pasifik itu, kira-kira 1 tengahari.

Sidang akhir Dr Mahathir itu, yang terakhir baginya sebagai Perdana Menteri di persidangan antarabangsa, dihadiri oleh lebih 300 wartawan dari

seluruh dunia yang mengambil kesempatan bertanyakan kepada beliau mengenai pelbagai isu, daripada Apec, Pertubuhan Perdagangan Dunia, kewangan, Palestin-Israel dan Myanmar.

Ketika jamuan makan tengah hari mesyuarat pemimpin Apec itu, beliau Dr Mahathir turut diminta menyatakan sesuatu kerana beliau dan Perdana Menteri Jean Chretien dari Kanada akan bersara tidak lama lagi.

Dr Mahathir memberitahu pemimpin Apec, beliaulah orang yang dikecam sebagai degil pada 1993 kerana tidak menghadiri mesyuarat pertama pemimpin kerjasama itu di Blake Island, Seattle, Amerika Syarikat.

"Saya memberitahu mereka ia adalah kerana ketika itu saya berpendapat komitmen kita harusnya kepada Asean dan Asia Timur, belum lagi kepada negara di Pasifik. Oleh kerana semua menyokong penubuhan Apec, kami tidak ada pilihan lain melainkan mengikut saja," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, Apec kini sudah terbukti berguna kepada Malaysia kerana memberi peluang kepada kerajaan menyuarakan pandangan, selain daripada mengeratkan perhubungan dengan negara anggota lain.

"Malah, perhubungan kita dengan Presiden Bush dapat dieratkan. Saya mesti akui, Bush ada memetik kata-katanya saya dalam perbincangan Apec. Secara peribadi, kami tidak mempunyai sebarang pertelingkahan," katanya.

Mengenai Pengisytiharan Bangkok 2003 yang dikeluarkan selepas mesyuarat pemimpin itu, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak ada sebarang masalah untuk menerimanya.

Apec yang ditubuhkan pada 1989, dianggotai Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Filipina, Papua New Guinea, Russia, Peru, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.